

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESSION 2016/2017**

NAMA KURSUS : FALSAFAH PENDIDIKAN  
KOD KURSUS : BBD 10102  
KOD PROGRAM : BBA, BBB, BBC, BBD, BBE, BBF DAN  
BBG  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUNE 2017  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN BELAS (18) MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

- S1. Yang manakah antara berikut salah tentang falsafah secara keseluruhannya?
- A. Perkataan falsafah berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu *philos* dan *sophia*
  - B. Falsafah adalah pendekatan yang rasional terhadap sesuatu masalah atau persoalan
  - C. Sesuatu perihal yang mencintai ketelusan atau kejujuran
  - D. Suatu penyiasatan yang komprehensif dan logikal terhadap asas pemikiran atas semua aktiviti manusia

- S2. Metafizik, epistemologi, aksiologi dan logik adalah cabang-cabang falsafah. Antara berikut, yang manakah salah menerangkan tentang cabang-cabang falsafah.
- A. Metafizik adalah merujuk kepada hakikat atau realiti kehidupan
  - B. Epistemologi merujuk kepada falsafah nilai yang terdapat dalam sesuatu masalah
  - C. Aksiologi merujuk kepada falsafah etika dan estetika
  - D. Logik adalah hubungan antara idea-idea di samping memberi alasan bagi jawapan yang diberi

- S3. Apakah sumber-sumber pengetahuan?  
Apa yang diketahui oleh manusia?  
Bagaimanakah kita tahu bahawa kita ketahui sesuatu?  
Adakah ilmu statik atau senantiasa berubah?

Persoalan-persoalan seperti di atas menerangkan tentang cabang falsafah

- A. Metafizik
  - B. Epistemologi
  - C. Aksiologi
  - D. Logik
- S4. “Pendidikan di dalam peringkat sekolah rendah hendaklah mengutamakan pendidikan asas, iaitu membaca, menulis dan mengira”  
Salah satu falsafah pendidikan berikut yang mengutamakan pendidikan asas seperti kenyataan di atas ialah
- A. Essensialisme
  - B. Pragmatism
  - C. Rekonstruktivisme
  - D. Eksistensialisme

**TERBUKA**

- S5. Siapakah di antara tokoh berikut yang mentakrifkan fungsi pendidikan ialah lebih sebagai fasilitator yang memberi ruang seluas-luasnya bagi peserta didik untuk berekspresi, berdialog, berdiskusi, berfikir, berkeinginan dan bertujuan. Selain itu peserta didik juga harus diberikan kebebasan dalam menentukan suatu kebenaran yang diperoleh melalui hasil pengalaman dan eksperimen.
- A. Plato
  - B. Socrates
  - C. Aristotle
  - D. John Dewey
- S6. Guru adalah 'role model' atau contoh yang sentiasa menjadi perhatian dan ikutan kepada pelajar di mana sahaja dia berada dan di dalam apa jua aspek yang dilakukan. Oleh itu guru mestilah kelihatan kemas dalam penampilan dan berpakaian, berbudi bahasa dalam tutur kata dan tingkah laku serta berakhlak mulia. Apakah cabang falsafah yang boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- A. Logik
  - B. Metafizik
  - C. Aksiologi
  - D. Epistemologi
- S7. Falsafah Pendidikan Barat menekankan nilai sesuatu ilmu sebagai keperluan untuk membezakan taraf individu dengan individu yang lain. Di antara berikut yang manakah bukan menunjukkan jenis-jenis falsafah pendidikan barat.
- A. Rekonstruktisme
  - B. Perennialisme
  - C. Esensialisme
  - D. Patriotisme
- S8. Yang manakah antara berikut merupakan signifikannya falsafah?
- A. Falsafah membawa kebahagian
  - B. Falsafah mempengaruhi kehidupan
  - C. Falsafah memantapkan individu
  - D. Falsafah melibatkan keterbatasan pemikiran

**TERBUKA**

- S9. Antara yang berikut yang manakah benar menerangkan mengenai falsafah tradisional dan falsafah moden?
- A. Pragmatisme berkait dengan makna dan kebenaran yang perlu dilihat dalam bentuk praktikal
  - B. Idealisme merujuk kepada pemikiran yang berasaskan fakta atau materialistik
  - C. Realisme merujuk kepada kebenaran yang bersifat idealistik
  - D. Eksistensialisme merujuk kepada realiti yang boleh diperolehi melalui pengalaman
- S10. Fahaman ini percaya kandungan-kandungan dalam kurikulum adalah sebagai *a body of intellectual subject matter*. Fahaman di atas adalah fahaman mengenai
- A. idealisme
  - B. realism
  - C. pragmatisme
  - D. progresivisme
- S11. Berikut merupakan laporan-laporan pendidikan semasa era kemerdekaan kecuali
- A. Laporan Rahman Talib
  - B. Laporan Barnes
  - C. Laporan Cheesman
  - D. Laporan Fenn-Wu
- S12. Pandangan ahli falsafah seperti Al Ghazali dan Confucius banyak mempengaruhi falsafah pendidikan Islam dan Timur. Bagaimanakah pandangan kedua-dua tokoh ini berkaitan dengan peranan pendidikan?
- A. Pemikiran manusia sukar berubah
  - B. Pendidikan budaya perlu diutamakan
  - C. Tingkah laku perlu dipupuk secara holistik
  - D. Ketamadunan manusia diwarisi secara paksaan
- S13. Laporan Kabinet adalah salah satu daripada laporan pembentukan awal sistem pendidikan di Malaysia. Antara berikut ialah tugas Laporan Kabinet iaitu
- A. mengesyorkan kenaikan darjah dilakukan secara automatik
  - B. mengkaji semula perkhidmatan, ganjaran dan status guru
  - C. mengkaji dasar pendidikan kebangsaan dan memastikan sistem pendidikan tersebut memenuhi matlamat negara
  - D. mengesyorkan supaya umur tamat sekolah ditingkatkan kepada 15 tahun

- S14. Falsafah Pendidikan Negara di gubal pada tahun 1988 dengan bertujuan untuk
- A. Menentukan matlamat pendidikan Negara.
  - B. Memberi panduan dalam penggubalan kurikulum.
  - C. Menentukan usaha berterusan ke arah perkembangan potensi murid.
  - D. Memberi pedoman terhadap segala rancangan dan pelaksanaan aktiviti pendidikan.
- S15. Antara berikut merupakan matlamat utama pendidikan guru. Yang manakah benar menerangkan matlamat utama pendidikan guru tersebut?
- I. Melahirkan guru yang berkualiti.
  - II. Menguasai ilmu dan kemahiran mengajar.
  - III. Memupuk dan mengamalkan nilai-nilai keguruan.
  - IV. Mencapai kecemerlangan pendidikan dalam alaf baru.
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
- S16. Yang manakah antara berikut bukan menerangkan tentang kokurikulum?
- A. Kurikulum tambahan
  - B. Aktiviti badan beruniform
  - C. Pendidikan untuk masa lapang
  - D. Aktiviti pelajaran luar bilik darjah
- S17. Penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996 ialah bertujuan untuk
- A. menangani cabaran-cabaran Wawasan 2020.
  - B. memperkukuh semangat perpaduan berbilang kaum.
  - C. memantapkan Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan.
  - D. melengkapkan perundangan Sistem Pendidikan Kebangsaan.



TERBUKA

- S18. Perkara-perkara berikut merupakan penekanan utama dalam pembangunan sesuatu kurikulum yang sempurna iaitu
- I. isi pelajaran dipilih untuk mencapai objektifnya.
  - II. matlamat pendidikan yang harus dicapai oleh sekolah.
  - III. penilaian untuk mengukur keberkesanan pembelajaran.
  - IV. pendekatan dan strategi yang hendak digunakan untuk mencapai objektif pelajaran
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. I dan III
  - D. II dan IV
- S19. Pendidikan era kemerdekaan menitikberatkan
- A. perpaduan kaum
  - B. kehendak dan nilai penjajah
  - C. demokrasi pendidikan
  - D. pembangunan manusia
- S20. Semua berikut adalah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979, kecuali
- A. kegiatan kokurikulum diutamakan.
  - B. bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat persekolahan.
  - C. kurikulum sekolah KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980an.
  - D. mata pelajaran Kemahiran Hidup wajib dipelajari dalam sekolah menengah rendah.
- S21. Sekolah Bestari diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia dengan bertujuan untuk
- A. menjadikan sekolah yang moden
  - B. mencapai matlamat Wawasan 2020
  - C. mencapai matlamat wawasan pendidikan
  - D. menyatupadukan murid-murid berbilang kaum



TERBUKA

- S22. Dalam penggubalan Huraian Sukatan Pelajaran KBSR/KBSM, perkara-perkara yang harus dipertimbangkan ialah
- I. kandungan ilmu dan kemahiran
  - II. nilai-nilai murni
  - III. strategi dan aktiviti pengajaran-pembelajaran
  - IV. hasil pembelajaran
- A. I dan II
  - B. III dan IV
  - C. I,II dan IV
  - D. I, II, III, dan IV.
- S23. Mengikut Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah, tujuan utama program KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) adalah memberi pendidikan kepada murid untuk
- A. menguasai kemahiran asas 3M.
  - B. memenuhi keperluan mereka masing-masing.
  - C. menjadi insan yang berilmu dan berakhlak mulia.
  - D. memperkembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan bersepadu.
- S24. Yang manakah antara berikut merupakan faktor-faktor pembentukan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)?
- I. Dasar Pendidikan Negara
  - II. Cita dan Ideologi Negara
  - III. Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah
  - IV. Matlamat sekolah
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I,II dan III
  - D. I,II,III dan IV

**TERBUKA**

S25. Nilai-nilai murni adalah sifat-sifat baik yang boleh dipupuk melalui aktiviti berikut iaitu

- I tingkah laku guru
- II aktiviti pengajaran guru
- III penyampaian isi pelajaran
- IV aktiviti pembelajaran murid

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

S26. Yang manakah antara berikut yang bukan menerangkan tentang komponen yang perlu dipertimbangkan dalam penyampaian pelajaran?

- A. Langkah-langkah pengajaran
- B. Strategi dan kaedah mengajar
- C. Pengalaman murid sedia ada
- D. Perkara yang diajar oleh guru lain

S27. Seorang pengurus dan pemimpin pendidikan yang dihormati, cekap dan berkesan perlu memiliki sifat dan kualiti seperti berikut

- I memiliki ilmu pengetahuan yang luas, berketerampilan dan mahir dalam bidang pengurusan
- II memiliki sahsiah dan akhlak yang murni
- III memiliki keyakinan diri yang tinggi
- IV memiliki sifat *bias* atau *double standard* terhadap staf dan pelajar

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I,II dan III
- D. I,II,III dan IV

TERBUKA



- S28. Mengikuti nilai-nilai keguruan, seseorang guru seharusnya
- I mempunyai sifat kualiti sosial yang murni
  - II peka kepada perubahan
  - III mudah mengalah dengan situasi yang mencabar
  - IV menguasai ilmu pengetahuan dalam teori dan psikologi manusia
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II dan IV
- S29. Guru yang mempunyai kemahiran professional dalam erti kata yang sebenar ialah guru yang
- I mematuhi Kod Etika Keguruan
  - II mengajar dengan cekap serta berkesan
  - III mempunyai sijil Diploma Pendidikan yang diiktiraf
  - IV sering berusaha meningkatkan prestasi profesionnya
- A. I dan II
  - B. III dan IV
  - C. I, II dan IV.
  - D. I, II, III, dan IV.
- S30. Guru yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan prestasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah pelaksanaan tanggungjawab terhadap
- I murid
  - II negara
  - III ibu bapa murid
  - IV profesion keguruan
- A. I dan III
  - B. II dan IV
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III, dan IV.

**TERBUKA**

S31. Perkara utama sebelum bermulanya sesuatu pembelajaran adalah dengan menyediakan perancangan pengajaran dan pembelajaran. Antara berikut adalah perkara yang di ambil kira dalam penyediaannya

- I huraian Sukatan Pelajaran
- II bahan pelajaran dan kemudahan
- III objektif pelajaran dan isi kandungan
- IV strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III, dan IV.

S32. Yang manakah antara berikut merupakan ciri-ciri iklim yang negatif dalam bilik darjah?

- A. Murid duduk diam kerana takut dihukum.
- B. Hubungan mesra antara guru dengan murid.
- C. Iklim persekitaran yang bersih, teratur dan tenteram.
- D. Murid melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran

S33. Untuk merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia, guru harus memainkan peranan sebagai agen perubahan. Ini bermakna guru masa kini harus menukar dari kebiasaan dan rutin yang diamalkan dulu dengan

- I menggunakan strategi berpusatkan murid
- II melaksanakan program pendidikan bersepadu
- III mengandaikan murid bersifat homogen
- IV mengurus dan membimbing secara demokratik dan kasih sayang

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. I, II dan IV
- D. I, II, III, dan IV.

S34. Di bawah Standard Guru Malaysia, kriteria dan standard am guru yang digariskan adalah berdasarkan kriteria dan standard

- A. Diploma Pendidikan
- B. Pendidikan Tinggi
- C. Kelayakan Perguruan
- D. Kerangka kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualification Framework*)

**TERBUKA**

- S35. Yang manakah antara berikut merupakan perubahan utama sistem pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996?
- A. Sekolah Bestari diperkenalkan untuk sekolah rendah dan menengah.
  - B. Reformasi sistem pendidikan untuk mencapai matlamat wawasan 2020.
  - C. Menambah peluang pendidikan dengan meluluskan penubuhan kolej-universiti swasta
  - D. Pendidikan pra-sekolah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada sistem persekolahan rendah.
- S36. Berikut ialah objektif domain "*Bloom*" kecuali
- A. Pengetahuan
  - B. Kefahaman
  - C. Aplikasi
  - D. Apresiasi
- S37. Matlamat sistem pendidikan bagi memupuk perpaduan negara dijalankan dengan cara
- I. menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.
  - II. mengurangkan jurang perbezaan dalam peluang-peluang pendidikan di antara kawasan-kawasan.
  - III. mencantumkan sistem-sistem pendidikan di Sabah dan Sarawak dengan sistem kebangsaan.
  - IV. membenarkan kelas-kelas sosial yang berbeza tarafnya berlanjutan
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. II dan III
  - D. I, II, III dan IV
- S38. Pada zaman penjajahan Inggeris, murid-murid di Sekolah Inggeris banyak didedahkan kepada cara hidup dan adat resam orang-orang Inggeris. Walaupun begitu, murid-murid masih tidak lupa akan bahasa dan adat resam ibunda. Ini adalah kerana sekolah mempunyai unsur
- A. kesinambungan
  - B. pengekalan
  - C. penggabungjalinan
  - D. pembaharuan



TERBUKA

- S39. Pilih kenyataan yang bukan merupakan syor dalam Laporan Rahman Talib 1960.
- A. Mengadakan peperiksaan awam di sekolah dalam satu bahasa rasmi sahaja.
  - B. Mengadakan pengajaran rendah percuma untuk semua kanak-kanak
  - C. Mengadakan satu jenis sekolah menengah kebangsaan terbuka kepada semua kaum
  - D. Menubuhkan sekolah lanjutan
- S40. Faktor yang bukan penghalang dalam usaha menggalakkan perpaduan ialah
- A. prejudis
  - B. aras kepercayaan
  - C. materialism
  - D. diskriminasi
- S41. Pelaksanaan gerak kerja kokurikulum yang diadakan di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah bertujuan untuk
- I. membenarkan murid-murid bercampur gaul dengan bebas
  - II. melatih murid-murid supaya bertanggungjawab
  - III. memupuk sifat kepimpinan murid-murid
  - IV. melahirkan semangat bertanding secara melampau
- A. I, II, dan III
  - B. II, dan III
  - C. III dan IV
  - D. I, II dan IV
- S42. Bagi memupuk perpaduan, perkara-perkara berikut ditekankan di dalam sistem pendidikan di Malaysia, kecuali
- A. Dasar Asimilasi Nasional
  - B. Dasar Pendidikan Kebangsaan
  - C. Dasar Bahasa Kebangsaan
  - D. Dasar Ekonomi Baru

**TERBUKA**

- S43. Sosiologi pendidikan membolehkan seseorang bakal guru memahami
- I. proses pengajaran-pembelajaran di sekolah
  - II. peranan sekolah dalam sesebuah masyarakat
  - III. ciri-ciri sekolah sebagai satu institusi
  - IV. cara-cara pengelolaan sesebuah sekolah
- A. II dan IV
  - B. I, II dan III
  - C. II dan III
  - D. I dan II
- S44. Masyarakat boleh difahamkan sebagai sekumpulan individu yang
- I. bersatu padu disebabkan mereka mempunyai ideologi matlamat dan nilai-nilai yang sama
  - II. hidup dalam satu kawasan dan mempunyai cara hidup yang sama
  - III. mempunyai persamaan dari segi fizikal dan bahasa pertuturan
  - IV. mempunyai kedudukan yang sama dari segi politik, ekonomi dan sosial
- A. II dan III
  - B. I dan IV
  - C. I dan II
  - D. I, II dan III
- S45. Pengekalan dan pembaharuan sesebuah masyarakat merupakan antara fungsi-fungsi sekolah yang penting kerana
- A. masyarakat memerlukan unsur-unsur yang stabil dan berubah bagi kewujudannya
  - B. masyarakat maju harus menerima perubahan
  - C. sekolah mendukung ideologi politik yang ada unsur-unsur baru di dalamnya
  - D. ahli-ahli masyarakat sekolah ada kalanya kekal dan ada kalanya berubah.
- S46. Pendidikan merupakan satu alat yang paling utama untuk
- A. mewarisi nilai-nilai budaya
  - B. meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan
  - C. menghasilkan perubahan sosial sejajar dengan perubahan dalam masyarakat
  - D. memupuk perkembangan individu dan kewarganegaraan yang sejajar dengan aspirasi dan ideologi negara

**TERBUKA**

- S47. Kenyataan manakah yang berikut bukan merupakan ciri-ciri Rukun Negara?
- A. Mencapai perpaduan yang lebih erat
  - B. Mengetepikan tradisi-tradisi yang tidak relevan
  - C. Mencipta satu masyarakat yang adil
  - D. Memelihara satu cara hidup demokratik
- S48. Manakah antara berikut merujuk kepada komponen standard kompetensi pengetahuan dan kefahaman seperti yang dinyatakan di dalam Standard Guru Malaysia?
- I. Pengurusan bilik darjah
  - II. Kandungan ilmu pengetahuan
  - III. Kandungan mata pelajaran yang diajar
  - IV. Sumber pendidikan dalam pelaksanaan kurikulum
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV
- S49. Dasar pendidikan wajib dan dasar pendidikan percuma merupakan contoh-contoh dasar pendidikan yang berkaitan dengan
- A. taraf pendidikan
  - B. jurang pendidikan
  - C. peluang pendidikan
  - D. tahap persekolahan
- S50. Manakah di antara berikut merujuk kepada contoh menulis objektif tingkah laku yang eksplisit?
- Pada akhir pengajaran, pelajar akan dapat
- A. menyedari pentingnya perpaduan rakyat
  - B. menerangkan lima (5) prinsip Rukun Negara
  - C. menghayati keindahan lagu Malaysia Gemilang
  - D. memahami pengajaran daripada sesuatu cerita yang dibaca

**TERBUKA**

- S51. Matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ialah untuk menghasilkan pendidikan berkualiti untuk semua. KPM telah mengenal pasti dua (2) pendekatan untuk mencapai hasrat tersebut iaitu
- I. menambahkan peruntukan pembangunan luar Bandar
  - II. memastikan rakyat mendapat peluang pendidikan yang adil dan saksama
  - III. memberi perhatian khusus ke atas sekolah yang telah mencapai tahap cemerlang
  - IV. meningkatkan pembangunan potensi pelajar ke arah berprestasi tinggi
- A. I dan II sahaja
  - B. I dan IV sahaja
  - C. II dan III sahaja
  - D. III dan IV sahaja
- S52. Pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan membawa konsep bahawa perkembangan potensi individu adalah secara seimbang, menyeluruh dan bersepadu. Manakah antara berikut ialah implikasi kepada konsep tersebut?
- I. Perkembangan bersepadu intelek, rohani, emosi dan jasmani.
  - II. Konsep meritokrasi dalam mendapatkan pendidikan.
  - III. Penerapan nilai murni dalam pengajaran semua matapelajaran
  - IV. Penubuhan lebih banyak institusi latihan kemahiran untuk melatih tenaga kerja.
- A. I dan IV
  - B. II dan IV
  - C. I dan III
  - D. II dan III
- S53. Manakah antara berikut merupakan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan melalui satu sistem pendidikan yang memperuntukkan perkara-perkara yang akan memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan negara?
- I. Pelbagai pendidikan dan komprehensif skopnya.
  - II. Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama.
  - III. Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
  - IV. Pendidikan bersepadu, menyeluruh, seimbang dan harmoni.
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. I, II, III dan IV

TERBUKA

- S54. Antara berikut merupakan strategi-strategi utama dalam pelaksanaan Pelan Integrasi Nasional
- I Penubuhan Sekolah Wawasan
  - II Pelancaran Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan
  - III Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara
  - IV Pelaksanaan Sekolah Bestari
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I,II dan III
  - D. II, III dan IV
- S55. Yang manakah antara berikut bukan komponen Sistem Pendidikan Bertaraf Dunia
- A. Penyelidikan dan Pembangunan
  - B. Warga Pendidikan yang proaktif
  - C. Aplikasi Teknologi Yang Canggih
  - D. Dasar Pendidikan Tertutup
- S56. Salah satu unsur yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah pendidikan secara berterusan. Yang manakah antara berikut, tepat menerangkan unsur ini?
- I Pendidikan yang bermula setelah mendapat penganugerahan
  - II Pendidikan asas di rumah dan tadika
  - III Pendidikan di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah
  - IV Pendidikan yang berbentuk seminar, kursus dan forum
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II dan III
  - D. I, II, III dan IV
- S57. Apakah tiga dimensi utama dalam Model Konseptual Pendidikan Guru?
- I Ketuhanan
  - II Kendiri
  - III Kemasyarakatan
  - IV Kemahiran
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I,II dan III
  - D. I,II,III dan IV



TERBUKA



- S58. Pada tahun berapakah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ((PIPP) dilancarkan?
- A. 2005
  - B. 2006
  - C. 2007
  - D. 2008
- S59. Antara berikut merupakan fokus dan strategi membangunkan modal insan?
- I Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan
  - II Mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid
  - III Memupuk murid memiliki kemahiran dan berketerampilan
  - IV Memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik
- A. I dan II
  - B. II dan II
  - C. I,II dan III
  - D. I,II,III dan IV
- S60. Pada tahun berapakah KSSR mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia?
- A. 2011
  - B. 2012
  - C. 2013
  - D. 2014

**TERBUKA**

- S61** (a) Apakah prinsip yang terkandung dalam falsafah moden progresivisme?  
(5 markah)
- (b) Nyatakan lima (5) matlamat pendidikan negara.  
(5 markah)
- (c) Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan satu ungkapan yang jelas sebagai garis panduan halatuju sistem pendidikan di Malaysia. Kepentingan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) merupakan tunjang dalam pembangunan insan yang seimbang. Bincangkan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan tersebut dalam Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional dan bagaimana untuk mengatasinya.  
(10 markah)
- S62** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Falsafah Pendidikan Islam?  
(3 markah)
- (b) Terangkan apakah tujuan dan matlamat Pendidikan Islam?  
(5 markah)
- (c) Konsep islam dalam organisasi pendidikan merangkumi tiga perkara iaitu manusia, alam dan Tauhid. Huraikan impak daripada Ilmu Tauhid dalam sistem pendidikan.  
(12 markah)

**TERBUKA****-SOALAN TAMAT-**